# LAMPIRAN

LAMPIRAN A

SOALAN PANDUAN TEMUBUAL

1. Jantina:

2. Apakah status perkahwinan anda?

3. Setakat manakah tingkat persekolahan anda?

4. Berapakah pendapatan bulanan anda?

5. Apakah jenis rumah kediaman yang anda duduki?

6. Bagaimana hubungan anda dengan ahli keluarga?

7. Bagaimana hubungan anda dengan ibubapa?

8. Bagaimana hubungan anda dengan jiran tetangga?

9. Apabila keluar dari rumah, kebiasaannya apakah pilihan pakaian yang anda pakai?

10. Sejauhmanakah kemampuan anda membaca Al-Quran.

11. Adakah anda mengerjakan sembahyang 5 waktu sepenuhnya?

12. Adakah anda mengerjakan puasa di bulan Ramadhan sepenuhnya?

13. Pernahkah anda mengunjungi pusat hiburan seperti karaoke, pawagam, disko, kelab malam dan sebagainya?

14. Pernahkah anda melakukan hubungan seks dengan orang yang selain dari suami/isteri anda?

15. Kalau "Ya", dengan siapa?

16. Pernahkah anda minum arak?

17. Apabila menghadapi sesuatu masalah atau tekanan apa tindakan anda?

18. Melalui saluran manakah anda mempelajari pengetahuan agama?

19. Adakah anda pernah mengikuti program dari mana-mana pertubuhan agama?

20. Kalau "Ya", nyatakan nama pertubuhan agama tersebut.

21. Apa pendapat anda terhadap program yang anda ikuti itu?

LAMPIRAN B

Puan Siti Norlina Muhamad
Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam,
Bahagian Pengajian Usuluddin,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur.

21 Mei 1996.

Saudara/Saudari,

**PER: MENDAPATKAN DATA BAGI KAJIAN IJAZAH TINGGI (SARJANA)**

Merujuk kepada perkara di atas, saya Siti Norlina Muhamad, ingin memohon kerjasama dari pihak saudara/saudari untuk mengisi borang kajiselidik ini.

2. Kajian ini adalah untuk mendapatkan data-data bagi melengkapkan tesis sarjana saya.

3. Segala maklumat yang diberikan adalah rahsia dan hanya untuk pengetahuan pengkaji sahaja.

4. Semua soalan ini hendaklah dijawab dengan jujur dan ikhlas untuk manfaat kita semua. Semoga kerjasama dan sumbangan saudara/saudari sekalian akan mendapat ganjaran yang setimpal dari Allah (s.w.t).

5. Segala perhatian yang diberikan, saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, Terima kasih.

Yang benar,

-------------

**Sila tandakan (x) dalam petak-petak yang sesuai**

1. Jantina
a. ( ) lelaki
b. ( ) perempuan

2. Pendapatan ibubapa anda ialah:
a. ( ) kurang dari RM500
b. ( ) RM501 - RM749
c. ( ) RM750 - RM1000
d. ( ) RM1001 - RM2500
e. ( ) RM2501 ke atas

3. Hubungan anda dengan ahli keluarga
a. ( ) rapat
b. ( ) renggang
c. ( ) lain-lain, nyatakan

4. Anda tinggal di
a. ( ) banglo/kondominium
b. ( ) rumah teres
c. ( ) flat
d. ( ) setinggan
e. ( ) lain-lain, nyatakan

5. Kemampuan anda membaca al-Quran ialah
a. ( ) tahu dengan lancar
b. ( ) tahu tetapi tidak lancar
c. ( ) tidak tahu

6. Adakah anda mengerjakan sembahyang lima waktu sepenuhnya?
a. ( ) Ya
b. ( ) Kadang-kadang
c. ( ) Tidak

7. Dalam seminggu berapa jamkah anda berjalan-jalan di Kuala Lumpur?
a. ( ) kurang dari 3 jam
b. ( ) 4 - 6 jam
c. ( ) 7 - 9 jam
d. ( ) 10 jam ke atas

8. Anda suka berjalan-jalan di Kuala Lumpur, kerana di di rumah
a. ( ) suasana tidak selesa
b. ( ) ibu suka berleter
c. ( ) bapa kaki pukul
d. ( ) ibubapa suka bertengkar
e. ( ) ibubapa tidak ada kerana sibuk bekerja
f. ( ) lain-lain, nyatakan__________________

9. Apabila keluar dari rumah, anda memakai
a. ( ) baju kurung dan bertudung
b. ( ) baju kurung tanpa bertudung
c. ( ) pakaian ketat dan bertudung
d. ( ) pakaian ketat tanpa bertudung
e. ( ) lain-lain, nyatakan_______________

10. Pernahkah anda menonton video lucah
a. ( ) Ya
b. ( ) Tidak

11. Kalau 'Ya' apa perasaan anda pada waktu itu?
a. ( ) malu
b. ( ) rasa bersalah/berdosa
c. ( ) tiada apa-apa perasaan
d. ( ) lain-lain, nyatakan____________________

12. Dari mana anda memperolehi filem/video berkenaan?
a. ( ) simpanan ibubapa
b. ( ) kawan
c. ( ) kedai video
d. ( ) lain-lain, nyatakan____________________

13. Anda menonton filem/video lucah bersama dengan
a. ( ) ibubapa
b. ( ) kawan
c. ( ) teman wanita/teman lelaki
d. ( ) seorang diri

14. Pernahkah anda melakukan hubungan seks dengan teman lelaki/teman wanita?
a. ( ) Ya
b. ( ) Tidak

15. Pernahkah anda minum minuman keras?
a. ( ) Ya
b. ( ) tidak

16. Pernahkah anda mengunjungi pusat-pusat hiburan seperti kelab malam, karaoke, snooker dan sebagainya?
a. ( ) Ya
b. ( ) Tidak

17. Apabila anda menghadapi masalah, anda akan merujuk kepada:
a. ( ) ibubapa
b. ( ) adik-beradik
c. ( ) kawan
d. ( ) guru
e. ( ) tiada siapa
f. ( ) lain-lain, nyatakan___________________

18. Apabila anda menghadapi sesuatu masalah atau tekanan perasaan, anda akan............

a. ( ) mendekatkan diri kepada Allah, melalui sembahyang sunat, membaca al-Quran dan sebagainya.

b. ( ) menangis

c. ( ) pergi ke tempat-tempat hiburan seperti disko, pawagam dan sebagainya.

d. ( ) berbincang dengan orang yang boleh dipercayai.

e. ( ) lain-lain, nyatakan____________________

19. Melalui saluran manakah anda mempelajari pengetahuan agama? (Boleh jawab lebih dari satu).

a. ( ) pendidikan di sekolah

b. ( ) kelas-kelas pengajian di masjid atau surau

c. ( ) khidmat tenaga pengajar (ustaz) ke rumah

d. ( ) buku-buku termasuk (akhbar dan majalah)

20. Pernahkah anda mengikuti program dari mana-mana pertubuhan agama?

a. ( ) Ya

b. ( ) Tidak

21. Kalau 'Ya' sebutkan nama pertubuhan tersebut

______________________________________________________

22. Apa pendapat anda terhadap program yang anda ikuti itu?

a. ( ) Berkesan

b. ( ) Tidak berkesan

# KAWASAN KAJIAN METROPOLITAN KUALA LUMPUR




KAWASAN GABUNGAN

WILAYAH PERSEKUTUAN

KAWASAN PERANCANGAN PUSAT

KAWASAN TENGAH

KAWASAN PERDAGANGAN PUSAT

Sumber Rujukan: t.p. (1990) Album 100 Tahun Kuala Lumpur Menjadi Penguasa Tempatan Cet. 1, Kuala Lumpur: Puteries

kehakiman.

# Perunding tempatan bantu selesai masalah remaja

Sumber Rujukan:
Mingguan Malaysia Ahad
17 Mac 1996 hlm. 3

KUALA LUMPUR 16 Mac — Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan bekerjasama dengan beberapa pakar runding tempatan bagi menyelesaikan masalah sosial yang semakin mencabar di kalangan generasi muda.

Menterinya, Datin Paduka Zaleha Ismail menjelaskan, pihak kementerian sedang mengenal pasti syarikat-syarikat pakar runding yang berkelayakan bagi merealisasikan tujuan itu.

Katanya, syarikat-syarikat yang dikenal pasti itu mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing dan mereka akan berkongsi tanggungjawab mengatasi pelbagai masalah yang melanda masyarakat masa kini.

"Langkah kementerian mengambil khidmat pakar runding tempatan bukan bermakna kita tidak mempunyai kepakaran tersendiri sebaliknya ia bertujuan membuka ruang lingkup kementerian melalui pandangan serta kerjasama pelbagai pihak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Puspanita cawangan kementerian dan menghadiri jamuan Hari Raya serta sambutan Tahun Baru Cina di sini hari ini.

Menurut Zaleha, kebanyakan kakitangan kerajaan yang telah bersara terutamanya pakar dalam bidang-bidang tertentu turut berpeluang menyumbangkan kepakaran mereka melalui kerjasama itu.

## Dimanfaatkan

Maka itu, katanya, kepakaran yang dimiliki oleh golongan tersebut tidak akan dipersia-siakan dan boleh dimanfaati oleh masyarakat di negara ini secara keseluruhannya.

Selain itu, beliau menjelaskan tindakan kementerian itu juga bertujuan menjamin kerja-kerja menangani gejala sosial menjadi lebih profesional dan berjaya membuktikan keberkesanannya.

Sementara itu, Zaleha berkata pihaknya juga akan menjalankan kajian terhadap setiap permasalahan sosial yang timbul terutamanya yang menyentuh kementerian beliau.

Bagaimanapun, katanya, kajian itu tidak akan mengambil masa yang lama sebaliknya ia dibuat secara cepat dan tepat bagi membolehkan tindakan susulan mengatasinya dilakukan secepat mungkin.

Malah, menurut beliau tindakan melakukan kajian terhadap masalah yang timbul harus dilakukan oleh semua kementerian kerana pendekatan itu akan memberi manfaat kepada semua pihak.

**GRO bawah umur yang diselamatkan bagi tempoh Januari hingga Ogos 1996 di seluruh negara.**

| Negeri | Karaoke/Lounge | Dangdut/Kelab Malam Disko dan Kelab-kelab eksklusif |
|---|---|---|
| Kuala Lumpur | 79 | 9 |
| Perak | 3 | – |
| Pulau Pinang | 7 | 8 |
| Negeri Sembilan | 1 | 7 |
| Melaka | 1 | 2 |
| Johor | 1 | 5 |
| Sabah | 9 | – |
| Jumlah | 106 | 31 |

**Pecahan mengikut bangsa**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Melayu | 80 | atau | 58.39 peratus |
| Cina | 48 | atau | 35.03 peratus |
| Lain-lain | 9 | atau | 6.58 peratus |

**(Dayak, Iban Dusun, India dan lain-lain)**

Sumber Rujukan:
Utusan Malaysia 30 Sept 1996
hlm. 21

# Jenayah remaja semakin serius

Oleh HARIS HUSSIN

KEBELAKANGAN ini, jenayah remaja sudah semakin serius kerana statistik keganasan dan jenayah yang membabitkan nyawa dan harta benda semakin menjadi-jadi.

Bermula dengan menghisap rokok, kebebasan mengajar remaja jatuh cinta, bergaul tanpa sekatan dan akhirnya semakin gawat ke peringkat kegiatan kongsi gelap, ketagihan najis dadah dan arak, merompak, peras-ugut, perkosaan, ponteng sekolah dan membawa bahan bacaan lucah. Sangat jelas kenakalan dan kepincangan peribadi remaja kini. Rentetan itu, gejala anak-anak remaja lari dari rumah di kalangan gadis dan anak-anak di bawah umur bertambah.

Mengikut perincian dari Polis Cawangan Khas Bukit Aman mendapati, semua ini berpunca daripada krisis rumahtangga, najis dadah, janji palsu, tekanan kemiskinan dan kejutan budaya. Fenomena inilah yang menjadi petanda awal ke arah munculnya jenayah, kerana di kalangan mereka rasa terdesak dan tertekan mereka sanggup melakukan apa sahaja tanpa pertimbangan akal-budi lagi.

Satu alat yang berpengaruh dan mustahak dewasa ini ialah TV bukan sekadar memenuhkan masa lapang tetapi juga mempengaruhi kebudayaan, sikap, nilai dan kelakuan masyarakat di seluruh dunia. Ia muncul sebagai aktiviti masa lapang yang terpenting.

Dalam keghairahan dan kemeriahan menonton TV sering kita lupa ada kalanya ia turut meracuni akal budi terutama para remaja yang masih rebung dan hijau untuk menilai mana yang baik dan kurang baik, mana yang terlebih dan terkurang. Dalam hal ini mereka perlukan bimbingan dan nasihat!

Secara purata seorang remaja akan menonton TV selama 2 atau 3 jam sehari pada hari biasa manakala 3 atau 4 jam pada hujung minggu. Ini bermakna kira-kira 1,200 jam dihabiskan dengan menghadap TV berbanding 1,040 jam setahun di bilik darjah.

## Datangkan kesan

Diketahui umum TV sering menyalurkan idea salah sehingga mendatangkan kesan yang serius pada kanak-kanak yang sanggup meniru aksi-aksi watak di TV, lali dengan keruntuhan moral dan mewajarkan keganasan sebagai penyelesaian yang muktamad.

Apa yang diharapkan sebagai wadah sebaran am sepatutnya lebih bertanggungjawab dan mengutamakan program tempatan, bimbingan ilmiah, forum, wawasan dan ceramah yang berpaksikan semangat patriotik, bimbingan kerohanian dan keilmuan yang sihat.

Dalam hasrat menarik minat penggemar pihak pemilik media massa usahlah hendaknya sampai membelakangkan matlamat asal penubuhannya yang suci dan murni bagi membentuk masyarakat maklumat.

Justeru itu, adegan, aksi dan gelagat yang terpancar baik daripada muzik, lagu, tarian, fesyen dan sebagainya sehingga terserlah sangat berita sensasi, aksi ghairah yang sarat dengan kerendahan dan kehinaan usahlah disebarkan.

Kita masyarakat Timur, berbudayakan Timur. Apa perlunya berbagai-bagai aksi ganas, kepincangan masyarakat yang tercela dihidangkan secara berlebihan.

Meneliti gaya dan gelagat iklan di skrin TV atau layar perak tidak langsung mengambilkira kebudayaan anutan kita tetapi lebih mirip ke Barat. Apakah kita mahu "roh dan jasad" generasi kita dijiwai dan dirupai oleh idea dan ideal Barat? Teladan capek dan songsang!

Jiwa remaja cukup mudah terusik dan tersinggung dengan gaya dan gelagat masyarakat kelilingnya. Di kala itu, para remaja inginkan kebahagiaan dan kedamaian jiwa, hati minta difahami, harapan minta dipenuhi dan keinginan minta dihargai, Seadanya.

Remaja kini sangat perlukan sokongan dalam bentuk moral terutama dari kalangan yang mereka yakini umpama ibu bapa, guru dan masyarakat setempat yang memungkinkan mereka membina unsur-unsur manusia waras.

Konsep jaya diri, disiplin dan kawalan diri yang meyakinkan harus diterapkan ke dalam jiwa mereka. Ini penting, jika tidak mereka sendirilah yang rugi, tewas dan mengalah pada pancaroba kehidupan. Usahlah hendaknya mereka jadi "sampah" ketika dunia serba mudah.

Sumber Rujukan: Utusan Malaysia 8 Oktober 1993
hlm. 7

# Pembangunan perlu etika, moral

Daripada BAHAROM MAHUSIN

LONDON 4 Julai – Datuk Seri Anwar Ibrahim menyeru supaya pendekatan ke arah pertumbuhan ekonomi dan pembangunan mana-mana negara, sama ada Timur atau Barat, jangan dipisahkan dari unsur-unsur etika dan moral.

Timbalan Perdana Menteri yang memberikan syarahan khas di Institut Diraja Hal Ehwal Antarabangsa British di sini hari ini berkata soal etika, moral dan ekonomi saling berkait rapat dan tidak boleh ditanggap secara berasingan.

Dalam ucapan beliau yang menekankan pendekatan sederhana dan pragmatik dalam kehidupan, Anwar menegaskan: "Kemapanan ekonomi tidak boleh bercerai daripada wawasan manusia sebagai makhluk spiritual dan moral."

"Kita percaya bahawa cabaran kita, di Eropah dan di Asia, ialah untuk mendedikasikan diri semula kepada pendekatan pembangunan dan pertumbuhan holistik ini," katanya pada syarahan itu yang diadakan sempena lawatan rasmi tiga hari beliau ke United Kingdom

Ucapan Timbalan Perdana Menteri bertajuk *Masyarakat Madani dan Suara Moral Asia* di Chatham House didengar oleh ahli politik, diplomat, pegawai awam dan para intelektual British.

Memetik idea pemikir ekonomi British seperti Adam Smith, cendekiawan Islam Ibnu Khaldun dan tokoh pembaharuan Confucius Wang An Shih, Anwar menyifatkan usaha menyatukan ekonomi dengan nilai moral dan etika sebagai satu landasan ke arah "perkongsian baru."

## Keadilan sosial

Dalam kes Malaysia, beliau berkata, pembangunan ekonomi bukan satu-satunya objektif kerajaan kerana dasar-dasar ekonomi negara juga dirancang ke arah mewujudkan keadilan sosial dalam masyarakat.

Sehubungan itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan turut menjawab kritikan banyak pihak di Barat berhubung defisit akaun semasa Malaysia. Katanya, sebahagian besar perbelanjaan awam diperuntukkan dalam bidang pendidikan, penjagaan kesihatan, infrastruktur dan pembangunan luar bandar.

Dalam ucapannya, beliau memberikan contoh dimensi moral dan etika dalam pengurusan ekonomi Malaysia. Beliau menegaskan, "Matlamat utama kita ialah membasmi kemiskinan dan menyediakan kehidupan yang lebih baik untuk rakyat miskin."

Menyentuh mengenai projek-projek penswastaan, Timbalan Perdana Menteri berpendapat idea penswastaan hanya akan memberi kebaikan kepada rakyat jika dasar-dasar penswastaan tidak diasaskan kepada motif keuntungan semata-mata.

"Kerajaan harus menyokong perniagaan, tetapi perniagaan perlu ada wajah manusia," tegas Anwar

Dalam hubungan ini, beliau berkata konglomerat tidak boleh dibenarkan membesar "di bawah pokok yang rimbun" hingga orang lain dihalang untuk turut mengecap kemakmuran.

Anwar juga memerihalkan kejayaan ekonomi Asia Timur. Menurut beliau, Malaysia dan lain-lain negara Asia Timur agak berjaya kerana mereka mengamalkan keseimbangan antara kuasa ekonomi pasaran dan campur tangan minimum kerajaan.

Bagaimanapun, beliau mengakui kejayaan tersebut tidak akan dapat sampai ke tahap sekarang tanpa pelaburan modal dari negara-negara maju yang mencari pasaran baru produk dan teknologi. – *Utusan*.

Sumber Rujukan:
Utusan Malaysia 5 Julai 1997
hlm. 3

**Tangkapan juvana mengikut umur (sehingga Mac 94)**

| Tahun / Umur | 91 | 93 | Mac 94 |
|---|---|---|---|
| 10-12 thn | 99 | 200 | 4[illegible] |
| 13-16 thn | [illegible] | [illegible] | 214 |
| 16-18 thn | 1066 | 2188 | 519 |
| Jumlah | [illegible] | [illegible] | 773 |

# Ramai remaja Melayu terjebak kes juvana

**Bilangan kes juvana mengikut ras dan jantina (1991-Mac 94).**

| | |
|---|---|
| Lelaki Melayu | - 5,437 |
| Lelaki Cina | - 1,896 |
| Lelaki India | - 1,181 |
| Lelaki Bangladesh | - 866 |
| Jumlah | 9,380 |
| Perempuan Melayu | - 78 |
| Perempuan Cina | - 11 |
| Perempuan India | - 23 |
| Perempuan bangsa lain | - 13 |
| Jumlah | - 125 |

EMAJA lelaki Melayu kenal pasti sebagai kumpul- paling ramai terlibat deng- kes juvana dari tahun 1991 ngga Mac 1994.

Daripada jumlah keseluruh-, sebanyak 9,505 kes juvana ng dikenal pasti, sebanyak 437 remaja lelaki Melayu di-han di pusat-pusat pemulih- kerana terlibat dengan kes vana.

Bagi kumpulan remaja pe-mpuan, remaja Melayu pe-mpuan paling ramai berban-ng bangsa lain yang ditahan rana kes juvana.

Menurut Presiden Majlis elia Malaysia (MBM), Suhai- Ibrahim, sebanyak 78 re-aja perempuan Melayu telah tahan berhubung dengan kes vana.

"Kebanyakan kes juvana elibatkan perlakuan seperti eras ugut, merosakkan harta nda awam, bergaduh dan giatan kongsi gelap," tam-hnya.

Sementara itu, remaja lela- berketurunan Cina menca-tkan angka yang tinggi da-m kes juvana dari tahun 991 hingga Mac 1994 iaitu ramai 1,896 orang.

Ini diikuti remaja lelaki ber-eturunan India seramai 181 dan bangsa lain seba-yak 866.

Bagi remaja perempuan ula, remaja perempuan ber-eturunan India mencatatkan 3 kes, berketurunan Cina ebanyak 11 kes manakala angsa lain ialah 13 kes.

Secara keseluruhannya, umpulan remaja yang paling ramai terlibat adalah dalam lingkungan umur antara 16 hingga 18 tahun.

Dalam menghadapi masalah juvana, Suhaimi berpendapat kesalahan tidak boleh diletakkan di pihak sekolah kerana pihak sekolah hanya mempunyai hak ke atas pelajar semasa di sekolah sahaja.

"Apabila mereka keluar dari sekolah, pihak sekolah tidak boleh bertindak lagi," katanya.

Dalam konteks inilah peranan penguat kuasa tempatan dan pihak polis diperlukan bagi membendung perkara-perkara yang menjadi punca kepada masalah ini, ujarnya.

Menurut Suhaimi, walaupun mempunyai undang-undang, tetapi pelaksanaannya tidak dilakukan dengan tegas.

"Sebagai contoh, di setiap pintu pusat hiburan seperti pusat snuker, pusat permainan video malah di pub, disko dan kelab malam, terpampang arahan melarang remaja bawah 18 tahun memasukinya.

"Tetapi larangan itu tinggal larangan semata-mata memandangkan tiada penguat kuasa kerana remaja bebas keluar masuk ke tempat-tempat hiburan itu," jelasnya.

Dalam konteks ini menurut Suhaimi, kita tidak pernah serius dan kalaupun ada tindakan, hanya remaja terlibat yang akan ditahan dan bukannya pengusaha yang membenarkan remaja itu masuk.

"Sepatutnya, pengusaha pusat hiburan yang membenarkan remaja memasuki atau bekerja di pusat-pusat hiburan harus dikenakan tindakan tegas seperti ditarik balik lesen perniagaan mereka," ujarnya.

Bagi mengatasi masalah itu, tambahnya lagi, penguatkuasaan undang-undang sematamata tidak akan berkesan tanpa bimbingan dan didikan.

Menurut Suhaimi, ibu bapa perlu lebih bijak mengikut rentak remaja masa kini, tetapi dalam masa yang sama menerapkan unsur-unsur moral dan disiplin supaya mereka mempunyai pegangan dalam mengharungi dunia remaja.

"Kita boleh sediakan hiburan kepada remaja tetapi biarlah hiburan itu mempunyai kawalan dan tidak terlalu mengikut perasaan sehingga mereka tidak dapat mengawal diri," katanya.

Di samping itu, kerajaan juga terutamanya kerajaan tempatan perlulah menyediakan alternatif kepada remaja untuk mencari hiburan dan aktiviti di masa lapang.

"Malangnya apa yang berlaku sekarang, kerajaan lebih berminat untuk memajukan padang golf daripada menyediakan padang permainan dan tempat remaja berinteraksi dan bersosial," katanya.

Di bandar-bandar besar, remaja tidak mempunyai tempat yang khusus untuk bersosial dan mereka beralih kepada pusat-pusat hiburan, kelab-kelab malam, pub dan disko.

"Tidak salah kalau kita sediakan tempat karaoke umpamanya tetapi ia mestilah dilandaskan dengan prinsip-prinsip moral supaya remaja tidak lupa diri semasa berhibur," katanya.

Sumber Rujukan: Utusan Malaysia 3 Jun 1996
hlm. 27

Aktiviti-Aktiviti Yang Dijalankan oleh INDAH

Dalam memastikan perlaksanaan aktiviti-aktiviti yang dirancang, 5 unit kecil dalam organisasi INDAH yang disebut sebelum ini, bertanggungjawab mengelolakannya.[1]

i. Unit Pengurusan Dan Penyelarasan INDAH

**Pertama: Pengimarahan Masjid**

Antara program yang dijalankan ialah:

- Kelas Pengajian Masjid/Surau: peserta ahli qariah masjid/surau; dan
- Ijtimak Guru-guru Takmir Masjid/Surau: peserta guru-guru takmir masjid.

**Kedua: Pembangunan Masjid**

Antara programnya ialah:

- Menerbitkan Bahan Pembangunan Masjid seperti Buletin Takmir (5 kali setahun), Koleksi INDAH (1 kali setahun), Siri Khutbah Jumaat (1 kali setahun), soal Jawab Agama (1 kali setahun) dan Kurikulum Takmir (1 kali setahun).

---

[1] Sumber rujukan: INDAH (1996), *Buku Projek INDAH 1996*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, hlm. 1-51.

- Ceramah: peserta semua lapisan masyarakat Islam.
- Mesyuarat Penyelarasan Program Dakwah: peserta Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dan Kumpulan-kumpulan Dakwah.

ii. Unit Latihan INDAH

**Pertama: Latihan Pegawai Agama**

**Kedua: Latihan Pendakwah Barisan Hadapan**

Antara programnya ialah:

- Kursus Kepimpinan Islam: peserta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

**Ketiga: Latihan Pendakwah Negara**

Program yang dijalankan ialah:

- Kursus Pendakwah Negara: peserta: Ulama dan Pendakwah.

**Keempat: Latihan Imam-Imam**

**Kelima: Latihan Guru-guru Takmir Masjid/Surau**

iii. Unit Penerangan

**Pertama: Dakwah Di Pendalaman Dan Pulau**

**Kedua: Dakwah Kepada Kakitangan Kerajaan/Swasta Dan Lain-lain sasaran**

Antara aktiviti yang dijalankan ialah:

- Kursus Kefahaman Dan Penghayatan Islam: peserta: pegawai kerajaan dan swasta;

- Penerangan Dan Pemulihan Dadah: Peserta pelatih di pusat Serenti;
- Dakwah Di Kawasan Perindustrian: peserta pengurus dan pekerja kilang;
- Dakwah Di Penjara: peserta - para banduan dan guru agama di Penjara;
- Dakwah Saudara Kita (Muallaf): peserta - saudara-saudara muslim yang baru memeluk Islam;
- Kelas Cacat Pendengaran: peserta: golongan cacat pendengaran yang ingin mendalami Islam; dan
- Dakwah ke kawasan penempatan semula Felda/Felcra.

**Ketiga: Dakwah Non Muslim: Program Yang Dijalankan ialah:**

- Bengkel Penyelarasan Badan-Badan Dakwah: peserta wakil dari Badan-badan Dakwah dan Kerajaan Negeri;
- Muzakarah Pendakwah Peringkat Kebangsaan peserta pendakwah dari berbagai bangsa;
- Dakwah Bil Hal: peserta golongan yang belum memeluk Islam; dan
- Menerbitkan Bahan Bercetak: Mengedar risalah kepada para pelajar dan orang awam dalam menarik minat mereka menghayati Islam sebagai satu cara hidup.

iv. <u>Unit Penerapan Nilai-Nilai Islam</u>

Antara aktiviti yang dijalankan oleh unit ini ialah:

- Bengkel Penerapan Nilai Islam Dalam Pentadbiran Dan Pengurusan: peserta - pegawai kakitangan perkhidmatan awam;
- Forum Perdana: peserta pegawai-pegawai kanan kerajaan, pensyarah universiti, ketua pelajar pusat pengajian tinggi (1000 orang);
- Bengkel Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pembangunan Pertanian: peserta pegawai-pegawai Kementerian Pertanian dan pegawai Jabatan Pertanian, Mardi, MADA, KADA, LLP, JPS, RISDA dan lain-lain;
- Bengkel Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pembangunan Usahawan: peserta - tokoh-tokoh korporat, pemimpin usahawan, pemimpin usahawan kecil dan sederhana;
- Ceramah Penerapan Nilai-Nilai Islam Di Sekolah/Pusat Pengajian Tinggi: peserta para pelajar; dan
  - Bengkel Kefahaman Islam.

v. <u>Unit Khidmat Nasihat Dan Kepakaran</u>

Memberi khidmat rundingcara tentang kekeluargaan, hukum-hukum dan masalah semasa kepada umat Islam.

Aktiviti yang dijalankan oleh YADIM ialah seperti:[2]

**i. Ulama/Iktisas**

Aktiviti-aktivitinya ialah:

- Ijtima' Hai'ah Ulama';
- Daurah Tafaquh;
- Bengkel Hai'ah;
- Multaqa Imam-Imam; dan
- Multaqa Pemikiran Islam.

**ii. Wanita**

Aktivitinya ialah:

- Kongres Kepimpinan; dan
- Pemilihan Ibu Mithali

**iii. Remaja/Belia**

Aktiviti yang dijalankan ialah:

- Khemah Rakan Muda Dakwah;
- Seminar Maal Hijrah;
- Bengkel Pendakwah Muda;
- Kongres Kepimpinan Dakwah;
- Seminar Perkaderan Siswa:

  Pertama: Kursus Kemantapan Sahsiah (Peringkat zon)

  Kedua: Seminar Kemantapan Sahsiah (Peringkat Kebangsaan).

-------------------

[2]Sumber rujukan YADIM (1990), *YADIM*. Kuala Lumpur: YADIM, hlm. 8.

**iv. Suami/Isteri**

Antara aktivitinya ialah:

- Seminar Psikologi Keluarga; dan
- Kursus keibubapaan Dan Kekeluargaan.

**v. Masyarakat Umum**

Aktiviti yang dijalankan ialah:

- Ceramah umum;
- Khidmat Nasihat Dan Rundingcara;
- Khidmat Kebajikan; dan
- Menerbitkan bahan-bahan bacaan seperti Majalah Dakwah, Buku-buku, Berita Islam Malaysia dan Dijis Wawasan Ummah.

b. Aktiviti-aktiviti Yang Dijalankan Oleh ABIM

Kegiatan ABIM adalah mencakupi pelbagai bidang. Program yang dijalankan oleh ABIM diklasifikasikan kepada 4 bidang utama iaitu:[3]

---

[3]Sumber rujukan: Shaharuddin Badaruddin et.al. (1996), *ABIM 25 Tahun*. Siri Penerangan 1, Petaling Jaya: Biro Penerangan ABIM Pusat, hlm. 13, 14; Mohd. Anuar Tahir (1992), *Isu Budaya Dan Komunikasi Dalam Gerakan Islam*. Petaling Jaya; Budaya Ilmu Sdn. Bhd., hlm. 15; ________ (1993), Pendirian Politik ABIM, Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd. hlm. 11; Abdul Aziz Md. Zin (1993), Dakwah Al-Quran Kepada Orang Bukan Islam: Suatu Kajian Khusus Di Kalangan Masyarakat Cina di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Universiti Malaya, (Tesis PhD), hlm. 342.

### i. Pendidikan

Di antara program pendidikan yang dijalankan oleh ABIM ialah Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKI), Sekolah Rendah Islam (SRI), Sekolah Menengah Islam (SEMAI) dan Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam (IPI). Terdapat 400 buah TASKI ABIM di seluruh negara yang menampung 20,000 orang murid dengan 1,000 orang tenaga pengajar. IPI yang berpusat di Kajang, Selangor pula telah menawarkan kursus-kursus yang setanding dengan kursus yang ditawarkan oleh universiti-universiti tempatan. Di Kelantan wujud Pusat Dakwah Islamiyyah ABIM, di Kedah ditubuhkan satu pusat pengajian Islam yang dinamakan Ma'ahad Tarbiyyah Islamiyyah, Derang dan di Ipoh Ma'ahad Al-Ummah. Ia terbuka untuk semua golongan masyarakat.

Dalam rangka mendidik masyarakat, jurnal, bahan-bahan akademik dan majalah telah diterbitkan. Selain dari majalah Risalah dan akhbar Berita ABIM, Bahagian Penerbitan ABIM juga turut mengeluarkan Jurnal Pendidikan Islam dan Jurnal Perundangan Islam.

### ii. Ekonomi

Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad (KBI) adalah institusi ekonomi yang ditubuhkan sebagai usaha menyediakan alternatif muamalah secara Islam kepada masyarakat Islam. Ia telah mampu menawarkan berbagai

kemudahan dan perkhidmatan kepada ahli-ahlinya seperti pembelian tanah tapak rumah, rumah, kenderaan dan keperluan hidup yang lain. KBI juga mempunyai beberapa agensi perniagaan termasuk agensi pelancongan. Di samping itu KBI juga sedang berusaha membina kawasan-kawasan peranginan dan latihan untuk kegunaan ramai.

Penubuhan Kampung Baru Medical Centre (KBMC), membolehkan ABIM mengenengahkan kepakaran dalam bidang khidmat perubatan profesional. Ia mula ditubuhkan pada tahun 1996 dengan kerjasama pakar-pakar perubatan Islam. ABIM juga mempunyai Gedung Pasaraya ulungnya di Kajang, Selangor.

**iii. Dakwah**

Satu ketika dahulu, kegiatan dakwah ABIM lebih bersifat ke dalam, tetapi kini tumpuannya telah beralih pula kepada mendekati golongan bukan Islam. Di samping dialog dengan kelompok bukan Islam yang diadakan secara berterusan, ABIM telah menubuhkan Islamic Outreach ABIM (IOA) yang berusaha menggunakan pendekatan baru dalam rangka dakwah kepada kelompok ini. Sehingga kini, cawangan IOA terdapat di semua bandar-bandar utama di Malaysia.

Dakwah ABIM tidak lagi di masjid dan surau malah juga ke destinasi-destinasi baru seperti di hospital,

penjara dan lokasi-lokasi tumpuan pelancong. Program dakwah ABIM juga mulai menyantuni masyarakat melalui program-program Bina Masyarakat untuk rakyat jelata, Embun Hidayah untuk anak-anak muda dan Gerakan Ekonomi Rakyat (GERAK) yang berada di bawah Program Penyertaan dan Pembangunan Komuniti (PPPK). PPPK ini telah dilancarkan oleh ABIM Pusat pada tahun 1989. Program ini adalah bagi menjayakan konsep *da'wah bil hal*. Ia diketengahkan dengan tujuan membangunkan taraf sosio-ekonomi dan kesedaran keagamaan di kalangan masyarakat desa dan bandar. Menerusi program Embun Hidayah, percubaan untuk mendekati golongan muda secara menarik telah dibuat untuk membawa ke arah pembinaan potensi diri di samping mendorong mereka memberi sumbangan bakti kepada masyarakat.

ABIM turut prihatin terhadap kebajikan golongan masyarakat yang kurang berkemampuan dan mereka yang sangat memerlukan bantuan. Perkhidmatan perubatan percuma melalui perkhidmatan klinik bergerak dilaksanakan di bawah Biro Kesihatan. Van Klinik Bergerak ini memberi perkhidmatan percuma kepada masyarakat orang asli dan lain-lain pihak yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan pakar.

**iv. Pembangunan Sumber Manusia**

Selain dari pelbagai seminar dan simposium yang bertujuan untuk menimbulkan kesedaran dan mendidik masyarakat, ABIM juga komited dengan usaha-usaha melahirkan generasi baru yang lebih berkualiti untuk kepimpinan masa hadapan. Untuk itu, beberapa siri latihan yang berstruktur dan sistematik dengan pendekatan bersepadu telah dianjurkan secara teratur untuk ahli-ahli ABIM, para belia dan juga pelajar. Pusat Latihan ABIM (PLA) yang bertempat di Kajang kini menjadi agensi yang terpenting dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut.

**v. Lain-lain Aktiviti**

ABIM juga turut menjalankan bermacam-macam aktiviti yang lebih bersifat umum seperti:

- mengadakan kursus, seminar dan forum;
- menyusun usrah-usrah dan perjumpaan berkelompok;
- mengadakan tabung kebajikan;
- mengadakan lawatan muhibah di dalam dan luar negeri dan pertukaran belia-belia;
- menjalankan kerja-kerja kebajikan untuk belia Islam;
- menerima dan menghantar berita-berita di dalam dan luar negeri yang berkaitan dengan

pergerakan-pergerakan dan masalah-masalah belia Islam;

- menjadi wakil dengan sepenuhnya untuk membincangkan masalah belia Islam dengan pihak yang bertanggungjawab; dan
- mewujudkan dan memelihara tali persaudaraan dengan pertubuhan-pertubuhan belia Islam dan pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Aktiviti-Aktiviti Yang Dijalankan Oleh PUM

i. menerima undangan untuk ceramah-ceramah umum dan kuliah;

ii. membantu dan mengambil bahagian secara terus dalam melaksanakan sistem perbankan Islam;

iii. menjadi penasihat kepada syarikat bumiputera yang mengeluarkan makanan;

iv. anggota pimpinan PUM menjadi pengerusi atau ahli panel syariah bank dan syarikat kewangan tempatan dalam melaksanakan SPTF dan tabung pelaburan Islam;

v. menubuhkan Koperasi Muslimin Malaysia Berhad;

vi. mengadakan seminar-seminar tentang isu-isu semasa umat Islam seperti persoalan Amanah Saham Nasional, seminar Sunni - Syiah dan sebagainya;

vii. menganjurkan program kursus *Fiqh Muamalat* selama 15 minggu (penyertaannya terbuka untuk semua) di samping menyesuaikan pendidikan Islam dengan perkembangan teknologi seperti mengadakan *Indextima Al-Quraan* dan sebagainya;

viii. Menerbitkan buku-buku dan majalah '*Suara Ulama*';

ix. menyertai seminar-seminar anjuran Pertubuhan Islam Antarabangsa di samping terlibat dengan pembentangan kertas kerja;

x. menerima kunjungan dari pemimpin gerakan Islam sedunia; dan

xi. menghulurkan sumbangan kewangan melalui wakil PUM seperti Dr. Mustafa Ceric dari Bosnia-Herzegovina.

Melalui Sekretariat Pelajarnya pula, PUM telah menganjurkan beberapa program untuk pelajar sekolah menengah dan universiti iaitu:

i. Kursus Kepimpinan Pelajar;

ii. Program Kaunseling Di Sekolah-sekolah (Klinik Kaunseling);

iii. Kem Bina Insan (Kem Bina).

Aktiviti-aktiviti Yang Dijalankan oleh JIM

Ahli-ahli JIM melalui cawangan daerah dan negeri masing-masing telah menjalankan pelbagai aktiviti dakwah,

kebajikan, sosial, penerangan serta perhubungan dengan masyarakat sekitar. Walau bagaimanapun di samping kegiatan umum, ahli-ahli JIM juga tidak lupa memberi penumpuan yang secukupnya dalam memperkemaskan pentadbiran organisasi JIM. Aktiviti JIM dan sasarannya adalah seperti berikut:[4]

i. **Remaja/Belia**

- membimbing para belia dan remaja dengan perkara-perkara yang membangun melalui aktiviti-aktiviti kelab remaja, kembara belia, sukan, bimbingan kerjaya, kesenian dan sebagainya; dan
- mewujudkan program-program ke arah integrasi masyarakat dengan melibatkan belia tanpa mengira latar belakang kaum dan agama mereka.

ii. **Kebajikan**

- Bidang kebajikan dibahagikan kepada medan-medan spesifik iaitu kauseling, khidmat kesihatan, kekeluargaan, warga kilang dan bantuan khas kemasyarakatan. Untuk membina hubungan dengan individu-individu yang bermasalah JIM telah:

-------------------
[4]Sumber Rujukan: Saari Sungip (1993), *JIM 1991/1993: Membentuk Arah Dan Haluan Perjuangan*. Selangor: Pertubuhan JIM, hlm. 9, 53, 54, 172, 173 dan 175.

- mewujudkan Unit Kaunseling Islah (UKI) secara percuma;
- mewujudkan Pasukan Khidmat Kesihatan;
- menganjurkan program-program dalam bidang kekeluargaan;
- menganjurkan Program Pembangunan Warga Kilang; dan
- mewujudkan Pasukan Bantuan Khas untuk memberi bantuan kepada masyarakat.

iii. **Pendidikan**

- Menubuhkan Institut Pembangunan kanak-kanak melalui penubuhan tadika-tadika dan nurseri; dan
- menubuhkan Pusat Perkembangan Pendidikan merangkumi Sekolah Rendah Islam dan Sekolah Menengah Islam.

iv. **Perhubungan Raya (PR)**

- Fungsi PR hendaklah dimainkan oleh beberapa orang di kalangan pimpinan Negeri dan Daerah. Hubungan dengan tokoh-tokoh masyarakat, media massa, pertubuhan-pertubuhan Islam dan bukan Islam, istana, polis, tentera dan badan-badan serta organisasi lain yang dapat menjayakan program-program pengislahan masyarakat.

v. **Menerbitkan buku, majalah dan sebagainya**

vi. **Dalam menghadapi persoalan semasa, JIM mengambil sikap:**

- mengikuti perkembangan semasa sama ada tempatan ataupun antarabangsa dan membuat pendirian yang jelas dalam isu-isu yang menyangkut kepentingan Islam, umat dan masyarakat amnya; dan
- mewujudkan barisan penganalisis masyarakat dan penulis yang mengemukakan pandangan-pandangan Islam melalui media dalam isu-isu yang menyangkut permasalahan masyarakat.
- mewujudkan forum dan perbincangan meja rundingan dengan melibatkan tokoh-tokoh masyarakat untuk membincangkan isu-isu serius dalam masyarakat dan terus berkongsi memperbaiki kepincangan-kepincangan yang berlaku dalam masyarakat.

LAMPIRAN F




Sumber Rujukan: t.p. (1989) Enchanting Selangor Darul Ehsan Shah Alam: Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, t.h.

أكاديمية الدراسات الإسلامية

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**
*Academy of Islamic Studies*
UNIVERSITI MALAYA
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA

KAWAT/CABLE: UNIVSEL
TEL: 03-7571066
03-7571236
03-7560022
FAX: 03-7560705


24 Julai 1996

Pengarah
Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Pendidikan
Kementerian Pendidikan
Paras 2, 3 & 4
Pusat Bandar Damansara
50604 Kuala Lumpur

Tuan,

PERMOHONAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

Adalah dimaklumkan bahawa Puan Siti Norlina bt. Muhamad No. Kad Pengenalan A1396399 adalah calon Ijazah Sarjana Usuluddin, Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sesi 1996/97. Penyelidikannya bertajuk ***"Perubahan Nilai-nilai Moral Masyarakat Melayu Dan Pandangan Islam Mengenainya: Satu Kajian Di Wilayah Persekutuan".***

Saya amat berterima kasih kiranya dapat pihak tuan memberi kebenaran kepada beliau bagi menjalankan penyelidikan di Sekolah Menengah Convent Bukit Nanas dan Sekolah Menengah Bangsar pada tarikh yang dinyatakan.

Di atas kerjasama yang tuan berikan, saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**(PROF. MADYA MOHAMAD KAMIL HJ. AB. MAJID)**
Timbalan Pengarah
Bahagian Pengajian Usuluddin

/ah(akuan)

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN
PENYELIDIKAN PENDIDIKAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
PARAS 2, 3 DAN 5, BLOK J,
PUSAT BANDAR DAMANSARA,
50604 KUALA LUMPUR

Telefon: 2556900
Kawat: "PENDIDIKAN"
Faks: 03-2554960

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: KP(BPPP)13/15 Jld.46(134)
Tarikh: 21 Ogos 1996

Pn. Siti Norlina bt. Muhamad,
8873, Jln. Nakhoda Kanan,
Kg. Nakhoda,
68100 Batu Caves,
Selangor.

Puan,

**Kebenaran Bagi Menjalankan Kajian Ke Sekolah-Sekolah, Jabatan-Jabatan Dan Institusi-Institusi Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia**

Adalah saya diarah untuk memaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian mengenai

> "Perubahan Nilai-Nilai Moral Masyarakat Melayu Dari Perspektif Islam. Satu Kajian Di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur".

diluluskan

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada hanya apa yang terkandung di dalam cadangan penyelidikan yang tuan kemukakan ke Bahagian ini. Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan Negeri yang berkenaan.

3. Tuan juga dikehendaki menghantar senaskhah hasil kajian tuan ke Bahagian ini sebaik sahaja selesai kelak.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

Saya yang menurut perintah,

**(DR. ABD. KARIM BIN MD. NOR)**
b.p. Pengarah Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan,
b.p. Pendaftar Besar Sekolah-Sekolah dan Guru-Guru,
Kementerian Pendidikan.

s.k.

Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan W. Persekutuan.

Prof. Madya Mohamad Kamil b. Hj. Ab. Majid,
Timbalan Pengarah,
Bahagian Pengajian Usuluddin,
UM.

JABATAN PENDIDIKAN
WILAYAH PERSEKUTUAN,
JALAN RAJA MUDA ABDUL AZIZ,
50300 KUALA LUMPUR

*Telefon: 2919044*

*Ruj. Tuan:*

*Ruj. Kami:*

*Tarikh:*

Bil.( 37 ) JPWP. 03-1293/Jld.13
27 Ogos 1996

Cik Siti Norlina bt. Muhamad,
8873 Jalan Nakhoda Kanan,
Kg. Nakhoda,
68100 Batu Caves, Selangor.

Tuan,

**KEBENARAN BAGI MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH WILAYAH PERSEKUTUAN**

Adalah saya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian mengenai:

" Perubahan Nilai-Nilai Moral Masyarakat Melayu Dari Perspektif Islam. Satu Kajian Di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur . "

telah diluluskan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

a) Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada hanya apa yang terkandung di dalam cadangan penyelidikan yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan dan sampel kajian yang telah diluluskan oleh Jabatan ini sahaja.
b) Tuan/puan dikehendaki mengemukakan senaskah hasil kajian tuan/puan ke bahagian ini sebaik sahaja selesai kelak.
c) Sila kemukakan surat kebenaran ini ketika berurusan dengan Guru Besar/ Pengetua sekolah yang berkenaan.
d) Surat kebenaran ini berkuatkuasa hingga ~~31.8.1996~~ 30.10.1996 sahaja.

Sekian, terima kasih.

**HJ. MOHD. SALLEH BIN HJ. HUSIN**
**Ketua Penolong Pengarah**
**Perhubungan dan Pendaftaran**
**Jabatan Pendidikan**
**Wilayah Persekutuan.**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

**(HAJI MOHD SALLEH BIN HJ HUSIN PPN)**
Ketua Unit,
Perhubungan & Pendaftaran,
b.p.Pendaftar Sekolah dan Guru
Wilayah Persekutuan.

Kajiandocad27081996.

*** (Sila catatkan bilangan ini di dalam segala surat-menyurat)**